

17 OCT 2003

OIC-Yahudi/I

UCAPAN DR MAHATHIR BUKAN ANTI-YAHUDI - PEMIMPIN OIC

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hari ini berkata ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Sidang Kemuncak OIC ke-10 semalam tidak bersifat anti kaum Yahudi.

Menteri Luar Yaman Abu Bakar Qurbi berkata beliau tidak fikir yang ucapan itu anti kaum Yahudi.

Dr Mahathir hanya menyatakan hakikat yang sedang dihadapi dunia Islam dan beliau langsung tidak berhasrat mencetuskan konfrontasi, katanya kepada pemberita pada acara sampingan di luar sidang kemuncak itu di sini.

Abu Bakar diminta mengulas mengenai reaksi Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia berhubung perkara itu dalam ucapan Perdana Menteri yang telah dipilih untuk ditonjolkan oleh agensi-agensi berita asing dalam laporan mereka mengenai perasmian sidang kemuncak ketua negara dan kerajaan OIC ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini semalam.

"Saya menyokong ucapan beliau 100 peratus...beliau mahu dunia Islam menjalankan tanggungjawab terhadap rakyat mereka," kata Abu Bakar.

Presiden Afghanistan Hamid Karzai berkata analisis Dr Mahathir mengenai sejarah Islam amat tepat dan betul.

"Apa yang umat Islam perlu lakukan ialah menghentikan serangan bom berani mati," katanya.

Hamid berkata umat Islam perlu mengambil langkah berani jika mereka mahu menjadi ummah yang kuat dan dihormati masyarakat lain.

"Umat Islam perlu belajar mendidik diri sendiri, mesti mula menjadi progresif, ...mula membangunkan diri sendiri," katanya.

Ketua Biro Politik PLO Farouk Kaddoumi berkata ucapan Dr Mahathir amat hebat kerana menggariskan strategi bagi umat Islam untuk melindungi kepentingan mereka.

"Islam adalah sebuah agama yang mementingkan keamanan, tanpa sebarang diskriminasi sesama manusia."

"Lainnya...mereka menduduki negara kami dan membunuh rakyat kami dan mendakwa kami anti-Yahudi atau pengganas. Keganasan diamalkan di Israel," katanya.

Beliau berkata Israel dan golongan yang bersimpati dengan mereka cenderung untuk mengganggap sebarang kenyataan yang tidak memihak kepada mereka sebagai anti-Yahudi tetapi pada masa yang sama mereka menduduki tanah penduduk Palestin.

"Ia merupakan pencabulan hak asasi manusia tetapi mereka teruskan pendudukan, 85,000 tentera menduduki negara kami dan wilayah Arab lain di Bukit Golan, dan mereka mendakwa mereka mengusahakan bagi keamanan," katanya.

Menteri Luar Mesir Ahmed Maher berkata terdapat pihak-pihak tertentu yang akan menyelar sebarang kritikan yang dibuat terhadap Israel dan kerajaannya tanpa memahami isu berkenaan.

Beliau berkata terdapat golongan yang bersedia untuk mempergunakan apa sahaja dengan niat untuk menimbulkan kekacauan.

"Saya tahu ada golongan yang bersedia untuk mengutuk apa sahaja. Sebaik sahaja ada kritikan terhadap Israel, walaupun tidak memahami atau mengerti mengenai keseluruhan isu itu. Mereka sentiasa bersedia untuk mengutuk apa sahaja."

"Buat pengetahuan semua, terdapat orang yang sentiasa menunggu untuk menimbulkan kekacauan dan masalah yang sebenarnya tidak wujud," katanya

kepada pemberita selepas mengunjungi rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Maher menasihatkan mereka mengkritik ucapan Dr Mahathir untuk membaca dan memahami keadaan sebenarnya.

"Seluruh ucapan itu ditujukan kepada negara-negara Islam dan umat Islam, meminta mereka bekerja keras dan mengukuhkan personaliti mereka serta berpandangan jauh demi masa depan mereka," katanya.

Beliau menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai "kata perangsang" untuk umat Islam dan tidak peduli dengan sebarang kutukan yang mungkin timbul daripadanya.

"Saya tidak fikir ada sesiapa yang tidak lena tidur dengan kutukan itu," kata Maher.

-- BERNAMA

MHI MKO RHM